
PERBEZAAN GENDER DALAM PENCAPAIAN MURID: KAITANNYA DENGAN KETERLIBATAN MURID DAN SOKONGAN PEMBELAJARAN

Hanita Mohd Yusoff & *Norzaini Azman

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding author's email: *norzai12@ukm.edu.my*

Received date: 1 December 2019; Accepted date: 20 January 2020

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauhmana keterlibatan murid berkaitan dengan pencapaian akademik berdasarkan gender. Ia juga meninjau sama ada sokongan pembelajaran dan keterlibatan murid mempunyai kaitan terhadap pencapaian berdasarkan gender. Survei keratan rentas digunakan untuk mengumpul data yang melibatkan keterlibatan murid di sekolah, sokongan pembelajaran dan pencapaian akademik. Sampel kajian adalah seramai 800 orang murid yang berumur 16 tahun (lelaki $n = 400$ dan perempuan $n = 400$) dari sekolah menengah kawasan bandar dan luar bandar dalam daerah Kuala Selangor. Instrumen tinjauan keterlibatan murid di sekolah (*The Student Engagement Scale*, Lam et al.,2009) merupakan instrumen yang digunakan untuk pengumpulan data. Analisis deskriptif min dan sisihan piawai digunakan bagi menentukan tahap hubungan dan analisis inferensi MANOVA serta Ujian-t dijalankan untuk menentukan perbezaan antara pemboleh ubah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan sokongan pembelajaran dan keterlibatan murid lelaki dan perempuan terhadap pencapaian akademik. Murid perempuan mempunyai sokongan pembelajaran dan keterlibatan murid yang lebih tinggi berbanding lelaki. Pencapaian murid adalah berbeza antara gender. Hasil kajian ini dapat memberi kefahaman terhadap isu keterlibatan murid di sekolah. Ia juga boleh menjadi sumber maklumat bagi penyusunan semula strategi sedia ada dan merancang program-program yang lebih baik agar dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik dan mengurangkan jurang perbezaan gender terhadap pencapaian dalam kalangan murid sekolah.

Kata Kunci: Gender, Keterlibatan Murid, Sokongan Pembelajaran, Pencapaian.

PENGENALAN

Keterlibatan murid di sekolah dan sokongan pembelajaran murid iaitu guru, rakan sebaya dan ibu bapa berkaitan rapat dengan pencapaian mereka

dalam akademik. Keterlibatan murid membawa maksud penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah (Trowler, 2010; Kuh, Kinzie, Buckley & Bridges, 2007) dan memainkan peranan penting bagi perkembangan emosi dan kognitif sosial murid (Bingham & Okagaki, 2012). Keterlibatan murid di sekolah meliputi pelbagai ciri seperti laku, emosi, kognitif, dan penglibatan psikologi (Skinner & Pitzer, 2012; Mahatmya, Lohman, Matjasco & Farb 2012; Lam et al., 2012). Murid yang rendah tahap keterlibatan di sekolah sering dilihat sebagai satu tanda pengasingan diri. Hal ini boleh menyebabkan murid membina pelbagai bentuk dimensi negatif dalam diri mereka. Keterlibatan murid juga adalah peramal penting kepada pencapaian akademik murid. Manakala sokongan pembelajaran murid bermaksud sokongan dan dorongan yang diberikan oleh guru, rakan sebaya dan ibu bapa dalam menentukan keterlibatan murid dan kebolehpayaan murid dalam pencapaian akademik mereka (Fredricks et al., 2005; Lam et al., 2012; Bempechat & Shernoff, 2012).

PERMASALAHAN KAJIAN

Ketidak seimbangan pencapaian antara murid lelaki dan perempuan merupakan satu fenomena sejagat (Rodriguez, 2003; Epstein, Elwood, Jey & Maw, 1998). Isu ini telah dikaji oleh pengkaji Malaysia (Zalizan, Saemah, Roselan & Jamil, 2005; Nor Aniza, Zalizan & Manisah, 2011; Zalizan, Amla, Norzaini, Rohana, Ramlah, Izwan, Zaleha, Hanizah & Hutkemri, 2014). Dapatan kajian mendapati murid perempuan mencapai prestasi akademik yang lebih baik daripada murid lelaki (Zalizan, Khadijah, Hazadiah & Ma'arof, 2001; Rosna, Jahara, Noran Fauziah, Abu Hassan, Ruzlan, 2004; Wang & Holcombe, 2010; Lam et al., 2012). Ini adalah kerana murid lelaki kurang keterlibatan di sekolah serta rendah pencapaian akademik berbanding perempuan (Zalizan et al., 2005; Rosna et al., 2004; Nor Aniza et al., 2011). Ini bermakna pencapaian akademik murid kini memihak kepada murid perempuan berbanding murid lelaki yang menyebabkan timbulnya isu ketidakseimbangan antara gender. Menurut Zalizan et al. (2005); Veronneau & Dishion (2011); Lam et al. (2012), isu ketidakseimbangan ini juga berkait dengan sokongan pembelajaran.

Menurut Lam et al. (2012), murid perempuan mempunyai keterlibatan yang lebih tinggi di sekolah dan memperolehi prestasi akademik yang lebih baik berbanding murid lelaki. Hasil kajian Zalizan et al. (2005) juga

menunjukkan bahawa kesan gaya pembelajaran serta kemahiran dan strategi pembelajaran murid sekolah di Malaysia lebih memihak kepada murid perempuan berbanding lelaki. Hal ini berlaku adalah kerana gaya serta kemahiran murid perempuan yang didapati sesuai dengan cara pengajaran guru perempuan serta cara persediaan diri mereka sebelum menghadapi peperiksaan (Zalizan et al., 2005; Lam et al., 2012). Selain itu, murid perempuan juga lebih mempercayai rakan sebaya untuk membantu mereka dalam aktiviti pembelajaran (Zalizan et al., 2014; Lam et al., 2012).

Fenomena yang berlaku kini menunjukkan bahawa jurang pencapaian antara murid lelaki dan perempuan adalah ketara dalam perbezaan enrolmen pelajar lelaki dan perempuan yang berada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Perbezaan enrolmen pelajar lelaki dan perempuan ini merupakan implikasi yang terhasil daripada isu jurang pencapaian antara gender di peringkat sekolah (Jadual 1).

Jadual 1: Pencapaian Murid di Sekolah Harian (SH) 2006, 2011 dan 2017

Gred Purata Nasional SPM Sekolah Harian		
Tahun	Lelaki	Perempuan
2006	6.16	5.50
2011	5.58	4.72
2017	5.41	4.58

**GPN lebih rendah lebih baik.* Sumber: Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jadual 2 menunjukkan perbezaan enrolmen pelajar lelaki dan perempuan di IPTA bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 berdasarkan gender. Data menunjukkan bahawa enrolmen pelajar perempuan adalah 389,173 orang (59.40%) berbanding pelajar lelaki iaitu 266,063 orang (40.60%) bagi tahun 2015. Enrolmen pelajar di IPTA untuk tahun 2016 adalah seramai 387,600 orang (59.46%) pelajar perempuan manakala pelajar lelaki seramai 264,232 orang (40.54%). Manakala bagi tahun 2017 pula, jumlah keseluruhan pelajar yang berada di IPTA adalah 659,082 orang dengan seramai 390,500 orang (59.25%) adalah pelajar perempuan berbanding jumlah pelajar lelaki seramai 268,582 orang (40.75%). Perbezaan ini memberi implikasi yang besar di IPTA.

Jadual 2: Enrolmen Pelajar Lelaki dan Perempuan di IPTA Tahun 2015, 2016 dan 2017

Gred Purata Nasional SPM Sekolah Harian			
Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2015	266,063 (40.6%)	389,173 (59.4%)	655,236
2016	264,232 (40.5%)	387,600 (59.5%)	651,832
2017	268,582 (40.6%)	390,500 (59.3%)	659,082

Sumber: Statistik Pendidikan Tinggi 2015, 2016 dan 2017: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (Makro-Institusi Pendidikan Tinggi 2015, 2016 dan 2017).

Jurang perbezaan antara gender yang berada di IPTA akan terus meningkat tahun demi tahun pada setiap sesi pengambilan pelajar jika isu ketidakseimbangan pencapaian antara gender ini tidak diatasi. Pencapaian murid lelaki di peringkat pendidikan menengah perlu ditingkatkan kerana jurang perbezaan ini akan lebih ketara jika mutu pendidikan murid lelaki kian merosot berbanding murid perempuan.

TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur mengenai keterlibatan murid di sekolah telah menunjukkan konsensus bahawa konstruk tersebut merupakan satu konstruk pelbagai dimensi yang penting dan relevan untuk meninjau fikiran, perasaan dan tingkah laku murid terhadap pembelajaran dan persekolahan (Furlong & Christenson, 2008; Lam et al., 2012). Kajian oleh Vasalampi, Salmela-Aro & Nurmi (2009); Wu, Hughes & Kwok (2010); Wang & Holcombe (2010); Wang & Eccles (2012); Fauziah; Rosna & Tengku Faekah (2012) telah menunjukkan bahawa keterlibatan murid adalah peramal prestasi akademik. Ianya jelas ditunjukkan oleh hasil kajian-kajian lepas bahawa keterlibatan murid adalah satu ciri psikologikal yang dipengaruhi oleh faktor kontekstual, seperti iklim bilik darjah, sokongan ibu bapa dan pengaruh rakan sebaya yang merupakan ekosistem pembelajaran murid tersebut. Hal ini adalah bersesuaian dengan teori produktiviti pendidikan Walberg (1981) yang menyatakan bahawa ciri psikologikal murid dan persekitaran mempengaruhi hasil pendidikan mereka dan ekosistem tersebut berfungsi sebagai ‘pemboleh akademik’ (*academic enablers*). Selain itu, ia juga adalah peramal penting kepada pencapaian akademik murid (DiPerna, Volpe & Elliott, 2002).

Kajian lepas juga telah banyak menumpukan kepada perbezaan gender dalam keterlibatan murid di sekolah (Lam et al., 2012; Zalizan et al., 2014). Secara umumnya, tinjauan literatur mengenai keciciran murid telah membuktikan bahawa selain sokongan guru, rakan sebaya dan ibu

bapa juga merupakan peramal penting kepada keterlibatan dan pencapaian sekolah (Rumberger & Sun, 2008; Yazzie-Mintz, 2009).

Keterlibatan Murid di Sekolah

Keterlibatan murid bermaksud murid yang aktif dalam setiap aktiviti sekolah dan bersungguh-sungguh mempelajari pembelajaran sama ada formal dan tidak formal. Keterlibatan murid di sekolah bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh sekolah itu sendiri (Rumberger & Sun, 2008; Rumberger, 2011). Murid yang tidak mempunyai keterlibatan di sekolah lebih cenderung terjebak dengan gejala tidak sihat di luar sekolah (Jozefowicz, Colarossi, Arbreton, Eccles & Barber, 2000). Secara umumnya, terdapat tiga domain bagi mengukur keterlibatan murid di sekolah keterlibatan afektif, keterlibatan tingkah laku dan keterlibatan kognitif (Fredricks et al.,2004; Fredricks et al.,2005; Lam et al.,2012) yang boleh menjelaskan bagaimana seseorang murid itu berkelakuan, berperasaan dan berfikir di sekolah:

Keterlibatan afektif disifatkan sebagai sesuatu yang melibatkan perasaan sama ada positif atau negatif tentang tugas sekolah dan dalam tugas-tugas akademik (Mahatmya et al.,2013). Ia termasuklah rasa keberadaan mereka di sekolah dan hubungan murid dengan guru dan rakan di sekolah selain perasaan murid dalam mempelajari pembelajaran dan melakukan aktiviti di sekolah. Menurut Piaget, afektif (emosi) adalah pusat kepada perkembangan intelek (Wadsworth, 2004). Perasaan seseorang murid tentang aktiviti pembelajaran yang mereka pelajari adalah mencerminkan motivasi intrinsik, manakala perasaan tentang sekolah adalah manisfitasi kepada ikatan sekolah. Murid dengan penglibatan afektif yang tinggi akan menikmati sesi pembelajaran dan merasa suka pergi ke sekolah (Lam et al.,2012).

Keterlibatan tingkah laku menurut Finlay (2006); Fredricks et al. (2004) ditakrif sebagai melakukan kerja sekolah dan mengikuti peraturan seperti berkelakuan positif yang terdiri daripada tingkah laku yang menggambarkan usaha murid dalam menyempurnakan tugas yang diberikan dan mengambil bahagian dalam aktiviti perbincangan kelas dan kurikulum di sekolah (Finn, Pannoza & Voelkl, 1995) yang menyumbang kepada pencapaian akademik. Ini memberi pengertian bahawa keterlibatan tingkah laku adalah kehadiran murid ke kelas dan

sekolah serta penglibatan murid dalam perbincangan kelas yang menjurus kepada pencapaian akademik yang baik.

Keterlibatan kognitif merupakan satu ciri individu yang memudahkan interaksi dalam konteks sekolah dan yang menggalakkan penglibatan murid dari segi intelek dan penguasaan murid terhadap akademik, usaha, hasil mereka dalam kerja, dan strategi pembelajaran. Finlay (2006) mentakrifkan keterlibatan kognitif sebagai motivasi, usaha dan berstrategi. Ia termasuklah penggunaan psikologi dalam pembelajaran, keinginan melampaui untuk sesuatu keperluan dan menghadapi cabaran.

Sokongan Pembelajaran

Penelitian terhadap keterlibatan murid dan sokongan pembelajaran terhadap pencapaian murid di sekolah berdasarkan gender merupakan satu dimensi dalam usaha untuk mengenal pasti pencapaian murid di sekolah supaya tindakan untuk mengatasi masalah perbezaan jurang antara gender dapat dilakukan. Ini bermakna sokongan daripada guru, rakan sebaya dan ibu bapa adalah perlu bagi menentukan tahap pencapaian murid. Ketiga-tiga sokongan pembelajaran ini merupakan dimensi penting untuk mengukur keterlibatan murid di sekolah:

Guru seharusnya seorang fasilitator yang efektif dalam segala bentuk pembelajaran. Menurut Coil (2003); Lam et al. (2012) hubungan yang baik antara guru dengan murid akan menggalakkan keterlibatan mereka di sekolah, menyokong peningkatan pencapaian akademik murid dan meningkatkan komitmen belajar (Rohani et al., 2010; Brooks, Brooks & Goldstein, 2012) kerana kebanyakan remaja yang belajar bersendirian kurang memahami apa yang mereka pelajari (Coil, 2003). Ini adalah kerana guru yang mudah didekati oleh murid, sentiasa peka terhadap masalah dan keperluan murid akan menggalakkan murid agar lebih berusaha untuk berjaya (Mearns et al., 2007). Namun, segala bentuk aktiviti yang guru laksanakan perlulah bersesuaian dengan tahap keupayaan murid kerana kadar kematangan murid lelaki dan perempuan adalah berbeza (Zalizan et al., 2005).

Rakan sebaya merupakan agen sosialisasi penting murid terutama di peringkat remaja. Justeru, penerimaan dan pergaulan antara murid dengan rakan sebaya dalam sekolah dapat membantu mereka dalam pembelajaran dan meningkatkan rasa kepunyaan serta dihargai (Eccles & Barber, 1999)

dan menggalakkan murid untuk belajar dan meningkatkan pencapaian akademik mereka (Bandura, 1989; Sharifah Alawiyah, 1987). Jika murid mempunyai sokongan yang tinggi daripada rakan sebaya, mereka akan lebih terlibat dan aktif menjalankan aktiviti di sekolah. Rakan di sekolah juga boleh dijadikan sasaran untuk sesuatu perbandingan sosial dan pencapaian akademik. Hasil kajian Lam et al. (2012); Wang dan Holcombe (2010) mendapati perkaitan di antara sokongan rakan sebaya dan prestasi akademik adalah lemah untuk murid lelaki tetapi lebih kukuh bagi murid perempuan. Kesan interaksi bersama rakan sebaya adalah signifikan antara pencapaian akademik murid tetapi hanyalah pada murid perempuan sahaja (Veronneau & Dishion, 2011).

Ibu bapa adalah orang pertama yang menjadi panduan utama kepada anak-anak sebelum melalui alam persekolahan. Kejayaan seseorang anak bergantung kepada sikap dan hubungan yang baik antara ibu bapa dengan anak. Hasil kajian Bempechat & Shernoff (2012) mendapati ibu bapa bertanggungjawab membantu anak-anak mereka berprestasi tinggi dalam pelajaran. Menurut Coil (2003) ibu bapa yang memandangi tinggi akan kebolehan anak mereka mendapati hasil yang membanggakan berbanding dengan ibu bapa yang tidak mempunyai hubungan rapat dan memandangi rendah terhadap keupayaan anak mereka. Justeru, ibu bapa memainkan peranan yang terpenting dalam pembentukan tingkah laku, sikap, kepercayaan, personaliti dan kemahiran-kemahiran lain (Mohd. Salleh, 1998). Sokongan ibu bapa dalam membantu anak mereka dalam pelajaran mempunyai kesan yang signifikan ke atas peningkatan prestasi akademik murid (Chohan & Khan, 2010; Zulkifli, Jamilah, Aminah & Ismi, 2011; Raftery, Grolnick & Flamm, 2013). Hal ini jelas bahawa ibu bapa yang menyediakan bahan sokongan akademik, seperti menyediakan alatan keperluan pelajaran, bantuan dalam kerja sekolah di rumah dan sokongan motivasi akan dapat menyumbangkan kepada peningkatan pencapaian akademik anak-anak mereka.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauhmana keterlibatan murid berkaitan dengan pencapaian akademik berdasarkan gender. Kajian ini juga meninjau sama ada sokongan pembelajaran dan keterlibatan murid mempunyai kaitan terhadap pencapaian berdasarkan gender. Dapatan kajian berkaitan keterlibatan murid dan sokongan pembelajaran terhadap pencapaian murid lelaki dan perempuan adalah penting supaya

penyusunan semula strategi dan program-program sedia ada dapat dilakukan bagi membantu meningkatkan pencapaian akademik dan mengurangkan jurang perbezaan gender terhadap pencapaian dalam kalangan murid sekolah.

Kajian ini turut menguji sama ada dapatan yang diperoleh dapat menyokong kajian Zalizan et al. (2014) serta kajian lepas dari dalam dan luar negara. Ini adalah supaya implikasi dan cadangan amalan dapat meningkatkan keberhasilan keterlibatan akademik murid bersesuaian dengan budaya dalam masyarakat setempat di Malaysia. Maka, kajian ini adalah penting kerana ia menguji teori keterlibatan murid dan sokongan pembelajaran terhadap pencapaian murid berdasarkan gender khususnya dalam konteks pendidikan dan budaya Malaysia agar program intervensi dapat ditambah baik bagi meningkatkan keberhasilan pencapaian akademik murid.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kaedah tinjauan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang ditadbirkan kepada responden bagi mendapatkan data yang diperlukan.

Sampel

Sampel kajian telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak berstrata berdasarkan murid berprestasi tinggi dan murid berprestasi rendah. Bilangan sampel murid adalah 800 orang (lelaki, $n = 400$ dan perempuan, $n = 400$) yang terdiri daripada murid tingkatan empat dari sekolah menengah dalam daerah Kuala Selangor.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soalan selidik konstruk keterlibatan murid di sekolah dan sokongan pembelajaran (*The Student Engagement Scale*, Lam et al., 2009). Soalan selidik ini telah diterjemahkan dan diadaptasi oleh Zalizan et al. (2014); Zalizan, Norzaini, Hutkemri, Nor Aniza (2016). Instrumen ini juga telah diuji kebolehpercayaannya oleh Zalizan et al. (2014, 2016) ke atas 2,359 orang murid yang berumur antara 12 hingga 16 tahun dengan bilangan murid lelaki seramai 1,170 orang dan murid perempuan seramai 1,189 orang di sekolah harian di Bandar dan luar Bandar. Nilai korelasi split half antara versi Bahasa Melayu dan versi

Bahasa Inggeris adalah .73. Nilai ini menunjukkan bahawa kebolehppercayaan terjemahan soal selidik ini adalah tinggi. Analisis Cronbach Alpha bagi konstruk keterlibatan murid di sekolah adalah .85. Bagi sokongan pembelajaran yang meliputi sokongan guru adalah .81, sokongan rakan sebaya adalah .68 manakala sokongan ibu bapa adalah .75. Pencapaian akademik kajian pula diperoleh dari nilai purata gred murid dalam mata pelajaran teras di sekolah kajian. Instrumen tersebut terdiri daripada tiga bahagian yang diukur iaitu demografi, keterlibatan murid dan sokongan pembelajaran berdasarkan skala likert lima titik.

Analisis Data

Perisian *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS) versi 22.0 digunakan di dalam kajian ini. Analisis deskriptif (min dan sisihan piawai) dan analisis inferensi MANOVA dan ujian-t tidak bersandar digunakan untuk meneliti perbezaan murid lelaki dan perempuan dalam keterlibatan di sekolah. Ia juga meneliti tentang sejauhmana keterlibatan dan sokongan tersebut berkait dengan pencapaian akademik.

DAPATAN KAJIAN

Kaitan Keterlibatan Murid Dengan Pencapaian Akademik Mengikut Jantina

Jadual 3 membentangkan statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) untuk menentukan tahap pembolehubah keterlibatan murid dengan pencapaian murid. Secara keseluruhannya, dapatan analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai menunjukkan bahawa keterlibatan murid lelaki yang paling tinggi ialah dari aspek afektif (*Min* = 3.70 dan *S.P.* = 0.63) berada pada tahap tinggi. Seterusnya diikuti oleh keterlibatan kognitif (*Min* = 3.56 dan *S.P.* = 0.61) dan keterlibatan tingkah laku (*Min* = 3.58 dan *S.P.* = 0.58) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa keterlibatan murid lelaki berada pada tahap sederhana (*Min* = 3.61 dan *S.P.* = 0.48). Keterlibatan murid perempuan pula menunjukkan aspek tingkah laku (*Min* = 3.85 dan *S.P.* = 0.59) mempunyai min yang paling tinggi diikuti oleh keterlibatan afektif (*Min* = 3.82 dan *S.P.* = 0.55) dan keterlibatan kognitif (*Min* = 3.69 dan *S.P.* = 0.58) berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa keterlibatan murid perempuan berada pada tahap tinggi (*Min* = 3.79 dan *S.P.* = 0.46). Hasil kajian ini dapat dirumuskan

bahawa murid perempuan mempunyai keterlibatan yang lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Keterlibatan Murid Dari Segi Afektif, Tingkah Laku Dan Kognitif Mengikut Jantina

No.	Keterlibatan	Lelaki			Perempuan		
		Min	S.P.	Interp.	Min	S. P.	Interp.
1	Afektif	3.70	0.63	Tinggi	3.82	0.55	Tinggi
2	Tingkah Laku	3.58	0.58	Sederhana	3.85	0.59	Tinggi
3	Kognitif	3.56	0.61	Sederhana	3.69	0.58	Tinggi
	Keseluruhan	3.61	0.48	Sederhana	3.79	0.46	Tinggi

Perbezaan Jantina Dalam Keterlibatan Murid di Sekolah

Analisis MANOVA dijalankan bagi melihat perbezaan keterlibatan murid berdasarkan gender. Perbezaan bagi setiap aspek keterlibatan murid berdasarkan gender dengan lebih terperinci di analisis dengan menggunakan MANOVA dapat dilihat seperti jadual 4 berikut.

Jadual 4: MANOVA Perbezaan Keterlibatan Murid Berdasarkan Jantina

Keterlibatan murid	Jantina	N	Min	S.P.	Type III Sum of Squares	Df	Jumlah Kuasa Dua	F	Sig.
Afektif	Lelaki	400	3.70	0.63	2.761	1	2.761	7.948	.005
	Perempuan	400	3.82	0.55					
Tingkah Laku	Lelaki	400	3.58	0.58	14.356	1	14.356	41.418	.000
	Perempuan	400	3.85	0.59					
Kognitif	Lelaki	400	3.56	0.61	3.770	1	3.770	10.805	.001
	Perempuan	400	3.69	0.58					

Jadual 4 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan keterlibatan afektif murid berdasarkan gender dengan nilai $F = 7.948$ dan $\text{sig} = .005$ ($p < .05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid perempuan ($\text{Min} = 3.82$ dan $\text{S.P.} = 0.55$) mempunyai keterlibatan afektif yang lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki ($\text{Min} = 3.70$ dan $\text{S.P.} = 0.63$). Ini

menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan keterlibatan afektif murid berdasarkan gender.

Terdapat perbezaan yang signifikan keterlibatan tingkah laku murid berdasarkan gender dengan nilai $F = 41.418$ dan $\text{sig} = .000$ ($p < .05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid perempuan ($\text{Min} = 3.85$ dan $S.P. = 0.59$) mempunyai keterlibatan tingkah laku yang lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki ($\text{Min} = 3.58$ dan $S.P. = 0.58$). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan keterlibatan tingkah laku murid berdasarkan gender.

Terdapat perbezaan yang signifikan keterlibatan kognitif murid berdasarkan gender dengan nilai $F = 10.805$ dan $\text{sig} = .001$ ($p < .05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid perempuan ($\text{Min} = 3.69$ dan $S.P. = 0.58$) mempunyai keterlibatan kognitif yang lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki ($\text{Min} = 3.56$ dan $S.P. = 0.61$). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan keterlibatan kognitif murid berdasarkan gender.

Perbezaan Sokongan Pembelajaran Murid Berdasarkan Jantina

Analisis MANOVA dijalankan bagi melihat perbezaan sokongan pembelajaran murid berdasarkan gender. Perbezaan bagi setiap aspek sokongan pembelajaran murid berdasarkan gender dengan lebih terperinci dianalisis dengan menggunakan MANOVA dapat dilihat seperti jadual 5 berikut.

Jadual 5: MANOVA Perbezaan Sokongan Pembelajaran Murid Berdasarkan Jantina

Sokongan Pembelajaran Murid	Jantina	N	Min	S.P.	Type III Sum of Square	Df	Jumlah Kuasa Dua	F	Sig.
Guru	Lelaki	400	3.71	0.81	2.880	1	2.880	4.904	.027
	Perempuan	400	3.83	0.72					
Rakan Sebaya	Lelaki	400	3.84	0.81	28.880	1	28.880	47.307	.000
	Perempuan	400	4.22	0.76					
Ibu bapa	Lelaki	400	3.98	0.69	1.125	1	1.125	2.284	.131
	Perempuan	400	4.06	0.71					

Jadual 5 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pembelajaran guru dalam kalangan murid berdasarkan gender dengan nilai $F = 4.904$ dan $\text{sig} = .027$ ($p < .05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid perempuan ($\text{Min} = 3.83$ dan $\text{S.P.} = 0.72$) mempunyai sokongan pembelajaran guru yang lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki ($\text{Min} = 3.71$ dan $\text{S.P.} = 0.81$). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pembelajaran guru murid berdasarkan gender. Terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pembelajaran rakan sebaya dalam kalangan murid berdasarkan gender dengan nilai $F = 47.307$ dan $\text{sig} = .000$ ($p < .05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid perempuan ($\text{Min} = 4.22$ dan $\text{S.P.} = 0.76$) mempunyai sokongan pembelajaran rakan sebaya yang lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki ($\text{Min} = 3.84$ dan $\text{S.P.} = 0.81$). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pembelajaran rakan sebaya murid berdasarkan gender.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pembelajaran ibu bapa dalam kalangan murid berdasarkan gender dengan nilai $F = 2.284$ dan $\text{sig} = .131$ ($p > .05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid perempuan ($\text{Min} = 4.06$ dan $\text{S.P.} = 0.71$) mempunyai sokongan pembelajaran ibu bapa yang lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki ($\text{Min} = 3.98$ dan $\text{S.P.} = 0.69$). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan pembelajaran ibu bapa murid berdasarkan gender.

Perbezaan Pencapaian Akademik Murid Berdasarkan Jantina

Ujian-t tidak bersandar dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan pencapaian akademik murid berdasarkan gender. Hasil analisis ujian-t tidak bersandar adalah seperti jadual 6 berikut. Jadual 6 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik murid berdasarkan gender dengan nilai $t = -2.259$ dan $\text{sig} = .024$ ($p < .05$). Dari segi min menunjukkan murid perempuan ($\text{Min} = 56.40$ dan $\text{S.P.} = 13.84$) mempunyai pencapaian akademik yang lebih tinggi dari murid lelaki ($\text{Min} = 54.07$ dan $\text{S.P.} = 15.24$). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik murid berdasarkan gender.

Jadual 6: Ujian-t Tidak Bersandar Perbezaan Pencapaian Akademik Murid Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	S.P.	T	Df	Sig.
Lelaki	400	54.07	15.24	-2.259	798	.024

Perempuan	400	56.40	13.84
-----------	-----	-------	-------

PERBINCANGAN

Berdasarkan dua objektif kajian ini, analisis data menunjukkan dapatan berikut. Pertama, kajian ini mendapati murid lelaki dan murid perempuan mempunyai kaitan yang kukuh terhadap keterlibatan murid dari segi keterlibatan afektif, keterlibatan tingkah laku dan keterlibatan kognitif di sekolah dengan pencapaian mengikut gender. Selari dengan hasil kajian Willms (2003), keterlibatan dalam pembelajaran mempengaruhi pencapaian akademik murid. Sungguhpun begitu, keterlibatan murid bagi ketiga-tiga konstruk mendapati murid perempuan mengatasi murid lelaki berdasarkan min keterlibatan dan pencapaian akademik yang lebih baik bagi perempuan berbanding lelaki. Dapatan kajian juga menunjukkan murid perempuan mempunyai keterlibatan yang lebih tinggi berbanding lelaki (Zalizan et al., 2005; Lam et al., 2012; Halpern (1992) dan Marks (2000) dan mendapat keputusan yang lebih baik dalam akademik berbanding murid lelaki selari dengan hasil dapatan kajian Zalizan et al. (2005) dan Lam et al. (2012).

Bagi objektif kedua, hasil analisis MANOVA mendapati terdapat perbezaan keterlibatan murid di sekolah antara murid lelaki dan perempuan bagi ketiga-tiga konstruk keterlibatan. Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian Zalizan et al. (2005); Nor Aniza et al. (2011) dan Zalizan et al. (2014) yang mendapati terdapat perbezaan dalam pencapaian akademik antara murid lelaki dan perempuan. Keterlibatan murid perempuan bagi ketiga-tiga konstruk keterlibatan adalah lebih tinggi berbanding murid lelaki. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Teoh et al. (2013); Lam et al. (2012); Zalizan et al. (2005) dan Kuh (2003) bahawa keterlibatan murid perempuan adalah lebih tinggi daripada keterlibatan murid lelaki. Ini adalah kerana murid perempuan lebih cakna dan berusaha untuk memahami apa yang mereka pelajari semasa dalam kelas berbanding murid lelaki. Selari dengan hasil kajian Zalizan et al. (2005); Nadia et al. (2010) bahawa murid perempuan mempunyai kemahiran belajar yang lebih baik berbanding murid lelaki dan lebih jelas tentang cita-cita dan wawasan pendidikan berbanding lelaki (Skinner & Pitzer, 2012). Hasil kajian ini jelas menunjukkan murid perempuan lebih berusaha meningkatkan diri dalam pelajaran dan lebih bijak menggunakan teknik dan strategi bagi menyelesaikan masalah berbanding murid lelaki. Hal ini bermakna peningkatan pencapaian akademik murid lelaki dan murid perempuan bergantung kepada aktif

atau tidak mereka dalam keterlibatan di sekolah. Jika murid berusaha, pencapaian akademik mereka akan meningkat. Hasil kajian turut mendapati ketiga-tiga sokongan pembelajaran mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik bagi murid lelaki dan murid perempuan. Sokongan daripada guru, rakan sebaya dan ibu bapa adalah penting dalam menentukan peningkatan pencapaian akademik murid di sekolah. Mereka adalah penggalak kepada murid untuk berusaha dan memberikan komitmen tinggi terhadap pelajaran. Dapatan ini selari dengan kajian Chen (2008); Amrita, Rosna & Mohammad (2014); Hanita & Norzaini (2018) iaitu sokongan pembelajaran mempunyai kaitan dalam menyokong peningkatan pencapaian akademik murid. Dapatan kajian Willms (2003); Fredricks et al. (2005); Lam et al. (2012) bahawa rakan sebaya merupakan pendorong kepada keterlibatan murid di sekolah. Selari dengan kajian Zulkifli et al. (2011); Chen (2008) yang mendapati ibu bapa adalah orang yang signifikan dalam pencapaian akademik murid. Hal ini jelas menunjukkan kaitan antara sokongan pembelajaran dengan pencapaian akademik membawa kepada peningkatan pencapaian murid.

Sungguhpun begitu, sokongan pembelajaran kepada murid perempuan mempunyai kaitan yang lebih kuat terhadap pencapaian berbanding murid lelaki. Dapatan ini selari dengan hasil kajian lepas (Zalizan et al., 2001; Rosna et al., 2004; Wang, 2010; Lam et al., 2012; Zalizan et al., 2005) yang mendapati pencapaian murid perempuan adalah lebih baik berbanding murid lelaki. Hal ini kerana dorongan daripada guru memotivasikan mereka untuk terus berusaha mencapai tahap yang lebih baik. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sokongan pembelajaran mendorong murid untuk berusaha bagi mencapai kecemerlangan dalam akademik. Motivasi dan galakan daripada sokongan pembelajaran dapat membantu mereka meningkatkan kualiti pencapaian akademik. Inilah yang menjadikan perbezaan antara murid lelaki dan murid perempuan terhadap pencapaian akademik mereka di sekolah. Dapatan Azizi & Nalini (2006) bahawa hubungan kekeluargaan yang baik akan memberi kesan yang baik kepada pencapaian akademik murid.

Hasil analisis ujian-t mendapati terdapat perbezaan pencapaian akademik antara murid lelaki dengan murid perempuan. Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian Zalizan et al. (2005); Nor Aniza et al. (2011) dan Zalizan et al. (2014) yang mendapati terdapat perbezaan dalam

pencapaian akademik antara murid lelaki dan murid perempuan. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati murid lelaki dan murid perempuan mempunyai perbezaan dari segi pencapaian akademik. Hal ini berlaku kerana murid perempuan berusaha lebih tekun untuk memperoleh keputusan pencapaian akademik yang lebih baik berbanding murid lelaki. Murid perempuan juga menunjukkan mereka lebih memberi tumpuan terhadap sesi pembelajaran dalam kelas dan sentiasa aktif terlibat dalam aktiviti yang melibatkan perbincangan kelas. Selain itu, murid perempuan lebih bijak dalam merancang dan berkemahiran dalam cara belajar. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Zalizan et al. (2005); Lam et al. (2012) bahawa murid perempuan bijak dalam persediaan diri mereka sebelum menghadapi peperiksaan.

KESIMPULAN

Isu perbezaan pencapaian antara murid lelaki dan perempuan bukanlah satu masalah yang baharu malah ianya telah menjadi perhatian para pengkaji. Hal ini membuktikan isu perbezaan gender dalam kalangan murid sekolah memerlukan kesedaran daripada pihak yang berkepentingan dalam mengenalpasti faktor dan penyebab keadaan ini berlaku. Justeru, kajian ini dapat memberi pendedahan dan kefahaman terhadap isu keterlibatan murid di sekolah. Selain itu, ia juga dapat dijadikan sebagai sumber maklumat bagi penyusunan semula strategi dan merancang sedia ada program-program yang lebih baik bagi meningkatkan pencapaian akademik murid dan mengurangkan jurang perbezaan gender terhadap pencapaian dalam kalangan murid sekolah. Adalah diharapkan kajian ini dapat mengukuhkan dan meningkatkan kefahaman guru terhadap kaitan keterlibatan murid di sekolah dan sokongan pembelajaran dengan pencapaian akademik murid bagi memastikan keberkesanan aktiviti di sekolah dan amalan terbaik murid dan sekolah dapat diterapkan dan seterusnya mengurangkan perbezaan pencapaian akademik antara murid lelaki dan perempuan.

RUJUKAN

- Amrita Kaur, Rosna Awang Hashim, & Mohammad Noman. (2014). Teacher autonomy support: does it hinder motivation among thai students? *Malaysian Journal Of Learning and Instruction*, 11, 171-189.
- Azizi Hj. Yahaya, & Nalini A/P Madavan (2006). *Faktor-faktor Lepak Dan Hubungan Keibubapaan Dikalangan Pelajar Remaja*

- Sekolah Menengah Di Empat Negeri* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Bandura, A. (1989). Social cognitive theory. In R. Vasta (Ed.), *Annals of child development*: Vol. 6. Six theories of child development 1-60. Greenwich, CT: JAI.
- Bempechat, J., & Shernoff, D. J. (2012). Parential influences on achievement motivation and student engagement. In L. Sandy Christenson, Amy L. Reschly & Cathy Wylie (Eds.), *Handbook of research on student engagement*, (pp 315-342). New York: Springer.
- Bingham, G. E., & Okagaki, L. (2012). Ethnicity and student engagement. In L. Sandy Christenson, Amy L. Reschly & Cathy Wylie (Eds.), *Handbook of research on student engagement*, (pp 65-95). New York: Springer.
- Brook, R., Brooks, S., & Goldstein, S. (2012). The power of mindsets: Nurturing engagement, motivation, and resilience in student. In L. Sandy Christenson, Amy L. Reschly & Cathy Wylie (Eds.), *Handbook of research on student engagement*, (pp. 541-562). New York: Springer.
- Chen, J. (2008). Grade-Level Differences: Relations Of Parental, Teacher And Peer Support To Academic Engagement And Achievement Among Hong Kong Students. *School Psychology International* 2008, 29(2), 183–198.
- Chohan, B. I., & Khan, R. M. (2010). Impact of parental support on the academic performance and self concept of the student. *Journal of Research and Reflections in Education*, 4(1), 14-26.
- Coil, C. (2003). *Surviving the Middle Years: Strategies for Student Engagement, Growth & Learning*. Australia: Hawker Brownlow Education. Retrieved from <http://ue.edu.pk/jrre/articles/41002.pdf>
- DiPerna, J. C., Volpe, R. J., & Elliot, S. N. (2002). A model of academic enablers and elementary reading/language arts achievement. *School Psychology Review*, 31, 298-312.
- Eccles, J. S., & Barber, B. L. (1999). Student council, volunteering, basketball or marching band: What kind of extracurricular involvement matters? *Journal Of Adolescent Research*, 14: 10-43.

-
- Epstein, J. C., Elwood, J., Jey, V., & Maw, J. (1998). *Failing boys, Issues in gender and achievement*. Buckingham, PA: Open University Press.
- Finlay, K. A. (2006). *Quantifying School Engagement: Research Report*. National Center for School Engagement. Retrieved from <http://www.schoolengagement.org/TruancyPreventionRegistry/Admin/Resources/Resources/QuantifyingSchoolEngagementResearchReport.pdf> [12 Julai 2012].
- Finn, J. D., & Pannozzo, G. M., & Voelkl, K. E. (1995). Disruptive and inattentive withdrawn behavior and achievement among fourth graders. *Elementary School Journal*, 95, 421-454.
- Furlong, M. J. & Christenson, S. L. 2008. Engaging students at school and with learning. A relevant construct for ALL students. *Psychology in the Schools*, 45, 365 – 368.
- Fredricks, A. J., Blumenfeld, C. P., & Paris H. A. (2004). School Engagement: Potential of the Concept, State of the Evidence, *Review of Educational Research*, 74(1), 59–109.
- Fauziah Md. Jaafar; Rosna Awang Hashim, & Tengku Faekah Tengku Ariffin. (2012). Malaysian University Student Learning Involvement Scale (MUSLIS): Validation of a Student Engagement Model. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9,15-30.
- Fredricks, J. A., Blumenfeld, P., & Friedel, J. (2005). School Engagement In K. A. Moore & L. H. Lippman (Eds.) *What do children need to flourish? Conceptualizing and measuring indicators of positive development*, 305-321. New York: Springer.
- Hanita Mohd Yusoff, & Norzaini Azman. (2018). Pencapaian akademik murid lelaki dan perempuan: Peranan sokongan pembelajaran dan keterlibatan murid. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(2), 257-287.
- Halpern, D. E. (1992). *Sex differences in cognitive abilities* 2nd Ed. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Jozefowicz, D. M, Colarossi, L., Arbreton, A. J, Eccles, J. S., & Barber, B. L. (2000). Junior high school predictors of high school dropout, movement into alternative educational settings, and

- high school graduation: Implications for dropout prevention. *School Social Work Journal*, 25 (1), 31-44.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2012). Enrolmen pelajar di IPTA dan IPTS mengikut bidang pengajian 2010 dan 2011. Retrieved from http://www.mohe.gov.my/web_statistik [15 November 2013].
- Kuh, G. D. (2003). What we're learning about student engagement from NSSE: Benchmarks for effective educational practices. *Change: The Magazine of Higher Learning*, 35(2), 24-32.
- Kuh, K., Kinzie, J., Buckley, J., & Bridges, B. Hayek. (2007). Piecing together the student success puzzle: Research, propositions, and recommendations. *ASHE Higher Education Report*, 32(5), 1-182.
- Lam, S. F., Jimerson, S., Basnett, J., Cefai, C., Duck, R., Farrell, P., et al. (2009). *Exploring student engagement in schools internationally: A collaborative international study yields further insights*. A symposium at the 31st annual International School Psychology Association Colloquium, Malta.
- Lam, S. F. (2012). Do girls and boys perceive themselves as equally engaged in school? The result of an international study from 12 countries. *Journal Of Psychology*, 50, 77-94.
- Marks, H. M. (2000). Student Engagement in Instructional Activity: Patterns in the Elementary, Middle, and High School Years. *The Ohio State University American Educational Research Journal*, 37(1), 153-184.
- Mahatmya, D., Lohman, B. J., Matjasco, J. L. & Farb, A. F. Engagement Across Developmental Periods. (2012). In L. Sandy Christenson, Amy L. Reschly & Cathy Wylie (Eds.), *Handbook of research on student engagement*, (pp 45-64). New York: Springer.
- Mearns, K., Meyer, J. & Bharadwaj, A. (2007). Student engagement in human biology practical sessions. *Refereed paper presented at the Teaching and Learning Forum, Curtin University of Technology*.
- Mohd Salleh Lebar. (1998). Pengenalan Ringkas: Sosiologi Sekolah dan Pendidikan. *Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.*
- Nadia Ainuddin Dahlan, Nor Azian Md Noor, Sharifah Muzlia Syed Mustafa, Khadijah Said Hashim, & Voviana Zulkifli. (2010).

-
- Exploring the Gender Gap in Achievement in Malaysia: A Case for Learning Styles. *The International of Learning*, 17(4),15-27.
- Nor Aniza Ahmad, Zalizan Mohd Jelas, & Manisah Mohd Ali. (2011). The relationship between learning styles and strategies with academic achievement based on gender and type of school. *Malaysia International Journal of Learning (Article)*, 17(10), 265-278. ISSN: 14479494.
- Raftery, J. N, Grolnick, W. S., & Flamm, E. S. (2013). Families as Facilitators of student Engagement: Toward a Home-School Partnership Model. In L. Sandy Christenson, Amy L. Reschly & Cathy Wylie (Eds.), *Handbook of research on student engagement*, (pp 343-364). New York: Springer.
- Rodriguez, T. D. (2003). School Social Context Effects on Gender Differences in Academic Achievement Among Second-Generation Latinos. *Journal of Hispanic Higher Education*, 2, 30-45.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 61-69.
- Rosna Awang Hashim, Jahara Hashim, Noran Fauziah Yaakub, Abu Hassan Othman, & Ruzlan Md Ali. (2004). Correlates of avoidance help-seeking behaviours among Malaysian adolescents. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 1(1), 31-50.
- Rumberger, R. W., & Lim, S. A. (2008). Why students drop out of school: A review of 25 years of research. California Dropout Research Project, 15, 1-3. Retrieved from <http://www.issueab.org/resources/11658/11658.pdf>.
- Rumberger, R. (2011). *Dropping Out: why students drop out of high school and what can be done*. Harvard University Press.
- Sharifah Alwiah Asogoff. (1987). Psikologi pendidikan 1: konsep-konsep asas psikologi, dan psikologi pendidikan, psikologi perkembangan *Siri maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Heinemann Sdn. Bhd. ISBN, 9679251691, 9789679251692.
- Skinner, E. A., & Pitzer, J. R. (2012). Developmental Dynamics of Student Engagement, Coping, and Everyday Resilience. In L. Sandy Christenson, Amy L. Reschly & Cathy Wylie (Eds.), *Handbook*

- of research on student engagement, (pp 21-44). New York: Springer.
- Teoh, H. C., Abdullah, M. C., Roslan, S., & Daud, S. (2013). An investigation of student engagement in a Malaysian Public University. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 90, 142-151.
- Trowler, V. (2010). Student engagement literature review. Higher Education, (November),1–15. Retrieved from http://americandemocracy.illinoisstate.edu/documents/democratic_engagement-white_paper-2_13_09.pdf
- Vasalampi, K., Salmela-Aro, K., & Nurmi, J. E. (2009). Adolescents' self-concordance, school engagement, and burnout predict their educational trajectories. *European Psychologist*, 14(4), 332-341.
- Veronneau, M. H. & Dishion, T. J. (2011). Middle School Friendships and Academic Achievement in Early Adolescence: A *Longitudinal Analysis*. *Journal of Early Adolescence*, 31(1), 99-124.
- Wadsworth B. J. (2004). *Piaget's Theory of Cognitive and Affective Development : Allyn and Bacon classics in education*. Pearson/A and B, 2004.
- Walberg, H. J. (1981). A psychological theory of educational productivity. In F. H. Farley & N. Gordon (Eds.), *Psychological and Education* (pp 81-110). Chicago: National Society for the Study of Education.
- Wu, J. Y., Hughes, J. N., & Kwok, O. M. (2010). Teacher–student relationship quality type in elementary grades: Effects on trajectories for achievement and engagement. *Journal of school psychology*, 48(5), 357-387. Retrieved from <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC2928164/pdf/nihms-193783.pdf>
- Wang, M. T., & Holcombe, R. (2010). Adolescents' perception of school environment, engagement, and academic achievement in middle school. *American Behavioural Research Journal*, 47(3), 633-662.
- Wang, M. T., & Eccles, J. S. (2012). Social support matters: Longitudinal effects of social support on three dimensions of school engagement from middle to high school. *Child Development*, 83(3), 877–895.

-
- Willms, J. D. (2003). *Student Engagement At School: A Sense of Belonging And Participation*. USA:OECD. Retrieved from [http://www.oecd.org/education/school/programmeforinternationalstudentassessmentpi sa/33689437.pdf](http://www.oecd.org/education/school/programmeforinternationalstudentassessmentpi%20sa/33689437.pdf) [18 Mei 2012].
- Yazzie-Mintz, E. (2009). *Charting the Path from Engagement to Achievement: Report on the 2009 High School Survey of Study Engagement*. Bloomington, IN: Center for Evaluation & Education Policy. Retrieved from http://ceep.indiana.edu/hssse/images/HSSSE_2010_Report.pdf. [1 September 2013].
- Zalizan M. Jelas, Khatijah Rohani Mohd Yunus, Hazadiah Mohd Dahlan & Ma'arof Redzuan. (2001). *A Study on the Performance of Male and Female Students in the Education System of Malaysia*. Ministry of Education, Malaysia- a commissioned research.
- Zalizan M. Jelas, Amla Salle, Norzaini Azman, Rohana Jani, Ramlah Hamzah, Izwan Mahmud, Zaleha Ab Hamid & Hanizah Hamzah. (2014). Gender differences in learning support and academic achievement: The mediating role of student engagement. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 11(1), 237-262. ISSN: 16758110.
- Zalizan M. Jelas, Norzaini Azman, Hutkemri Zulnaidi, Nor Aniza Ahmad. (2016). Learning support and academic achievement among Malaysian adolescents: The mediating role of student engagement. *Learning Environments Research*, 19(2), 221–240. Retrieved from <https://link.springer.com/content/pdf/10.1007/s10984-015-9202-5.pdf>.
- Zalizan Mohd Jelas, Saemah Rahman, Roselan Baki & Jamil Ahmad. (2005). Prestasi Akademik Mengikut Gender. *Jurnal Pendidikan*, 30, 93-111.
- Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad, & Ismi Arif Ismail. (2011). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31 – 40.